

INTEGRITI MENURUT PERSPEKTIF ISLAM: ANALISIS TAHAP INTEGRITI DALAM KALANGAN GURU PENDIDIKAN ISLAM

(INTEGRITY ACCORDING TO ISLAMIC PERSPECTIVE: ANALYSIS OF INTEGRITY LEVEL
AMONG TEACHERS OF ISLAMIC EDUCATION)

Halimatus Saadiah Mat Saad¹
Zainudin Awang²

Abstrak

Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap integriti Guru Pendidikan Islam (GPI) di sekolah rendah seluruh negeri Sabah berdasarkan tiga dimensi yang dikenalpasti sebagai tonggak utama integriti GPI. Sampel kajian terdiri daripada 390 orang guru daripada 24 buah Pejabat Pendidikan Daerah. Kebolehpercayaan instrumen ini terbukti dengan pekali Alpha Cronbach adalah tinggi ($\alpha=.93$). Sementara dengan mengambil kira 0.50 sebagai nilai pemuatan (loading's factor) yang dipertimbang sebagai bermakna secara potensi, keputusan menunjukkan 48 item mencapai kriteria faktor pemuatan melebihi 0.50. Analisis faktor yang dibuat secara umumnya juga mempunyai faktor tunggal. Oleh itu, instrumen nilai integriti bersifat unidimensional yang menunjukkan item-item mengukur gagasan yang sama iaitu gagasan nilai integriti. Dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhannya, majoriti GPI mempunyai tahap integriti tinggi iaitu seramai 213 orang (55.3.9%). Manakala sebahagian lagi iaitu sebanyak 166 orang (43.1%) mempunyai tahap integriti yang sangat tinggi sementara hanya 6 orang responden (1.6%) mempunyai integriti pada tahap sederhana. Didahului dengan dimensi bersih ($\text{min}= 4.32$) diikuti dengan dimensi bijaksana ($\text{min}=4.12$) dan dimensi amanah ($\text{min}=4.09$) yang mendapat skor paling sedikit. Implikasi dan beberapa cadangan penambahbaikan terhadap integriti GPI untuk kajian tindakan lanjutan turut dikemukakan.

Kata Kunci: Integriti, Guru Pendidikan Islam (GPI), dimensi bersih, bijaksana dan amanah.

¹ Dr. Halimatus Saadiah Mat Saad, Pensyarah Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Institut Pendidikan Guru, Kampus Tawau. halimatus@ipgm.edu.my

² Profesor Madya Dr Zainuddin Hj Awang Pensyarah Fakulti Sains Komputer dan Matematik, UiTM Kelantan.

Abstract

This research aimed to identify integrity level of Islamic Education Teachers (GPI) in primary schools throughout Sabah based on the three dimensions that have been identified as main pillars of GPI's integrity. Research samples were 390 teachers from 24 District Education Offices. The instrument's reliability was proven by high Alpha Cronbach coefficient ($\alpha=.93$). While taking into account 0.50 as the loading's factor that is considered to be potentially meaningful, the result showed that 48 items have achieved the loading's factor criteria of more than 0.50. The factorial analysis that was conducted also has generally a single factor. Therefore, the integrity value instrument is unidimensional that showed the items were measuring the same idea of integrity value. Research finding in overall showed that the majority of GPI possessed high integrity level that total up to 213 of them (55.39%). Whereas the other 166 respondents (43.1%) possessed very high integrity level while only 6 (1.6%) possessed moderate integrity level. Purity dimension ($\text{min}=4.32$) was leading, followed by wisdom dimension ($\text{min}=4.1$) and honest dimension ($\text{min}=4.09$) of the least score. Implications and suggestions on GPI's integrity improvement for further research were presented.

Keywords: Integrity, purity, wisdom and honest dimensions.

2017 GBSE Journal

Pendahuluan

Persoalan berhubung peranan Guru Pendidikan Islam (GPI) sebagai agen pembentuk integriti sosial merupakan inti pati perbincangan kajian ini. Guru Pendidikan Islam, merupakan medium utama penyebaran integriti di sekolah terutama sebagai pembentuk keperibadian murid. Ini kerana kesedaran bahawa adanya ikatan janji dan amanah sebagai hamba Allah dan Khalifah (Abdul Ghani Shamsuddin, 1984) di muka bumi (Surah al-Baqarah (2):30). Dalam hal ini, Abu Urwah (1986) telah mendefinisikan Pendidikan Islam sebagai tunjuk ajar dan latihan yang tersusun bagi membentuk akhlak, kemampuan akal dan pembentukan disiplin. Demikian menurut Muhammad 'Athiyah Al-Abrasyi (1977) yang menyatakan bahawa para ahli pendidikan sepatutnya menyimpulkan pendidikan itu bukanlah untuk memenuhkan pemikiran murid semata-mata tetapi mendidik akhlak dan jiwa mereka, menanam *fadilat* (keutamaan), membiasakan mereka dengan budi pekerti yang tinggi dan mempersiapkan mereka dengan suatu kehidupan yang baik (Ahmad Sukari Mohamad dan Mohd. Nizam Sahad, 2012). Oleh itu dapat dirumuskan matlamat pendidikan Islam itu adalah untuk membentuk integriti yang lahir daripada pertarbiyahan budi pekerti, adab dan pendidikan jiwa.

Objektif Kajian

- i. Mengenal pasti tahap integriti dalam kalangan Guru Pendidikan Islam.

Soalan Kajian

- i. Apakah tahap integriti dalam kalangan Guru Pendidikan Islam?

Batasan Kajian

Kajian ini menggunakan responden daripada 390 orang guru daripada sekolah-sekolah rendah /jenis/kebangsaan di negeri Sabah. Data bagi kajian ini diperolehi melalui soal selidik yang diadaptasi daripada instrumen integriti INni (Amini Abdullah *et.al.*, 2005). Soal selidik dibahagikan kepada dua bahagian iaitu, soalan mengenai maklumat demografi responden dan nilai Integriti.

Tinjauan literatur

Istilah integriti dalam konteks penyelidikan ini didefinisikan sebagai (Jamiah Manap *et al.*, 2005):

“Pengetahuan, kesedaran, penghayatan dan pegangan teguh kepada nilai-nilai murni secara konsisten yang disertai komitmen sepenuhnya terhadap nilai-nilai tersebut dalam setiap perkataan dan tindakan untuk mencapai kecemerlangan diri dan organisasi.”

Definisi ini digunakan kerana kesesuaiannya dengan elemen tempatan kerana menurut Pattison dan Edgar (2011) integriti merupakan kepatuhan sedaya mungkin kepada nilai komuniti setempat.

Berdasarkan kepada intipati akhlak Islam yang membentuk nilai dan etika perkhidmatan awam Malaysia (Halimatus Saadiah Mat Saad, 2014), nilai-nilai integriti dapat diklasifikasikan kepada tiga kategori yang dianggap penting dan bersesuaian dengan nilai integriti iaitu dimensi kesucian (*purity*), amanah (*trustworthiness*) dan kebijaksanaan dalam berfikir dan bertindak (*wisdom*) (Amini Abdullah *et al.*, 2005). Oleh kerana ketiga-tiga klasifikasi nilai ini amat penting dan berada di dalam variabel integriti, wajarlah diterangkan satu persatu maksudnya.

a) Dimensi Bersih / kesucian hati

Daripada instrumen yang dibina, dimensi bersih merujuk kepada kesucian hati, perkataan dan tingkah laku nilai-nilai positif. Komponen yang terkandung di dalam dimensi bersih ini pula merangkumi komponen santun dan baik hati (Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri, 2012), kekebalan daripada rasuah dan salah guna kuasa (Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2009).

b) Dimensi Amanah

Dimensi amanah pula merujuk kepada kesungguhan memenuhi kewajipan dan tanggungjawab yang diamanahkan (Mustafar Ali, 2009). Amanah merupakan nilai utama dalam pengurusan Islam (Sapie Sabilan *et al.*, 2010) dan merupakan salah satu sifat Nabi Muhammad S.A.W. sehinggalah digelar sebagai *al-amien* (orang yang beramanah) bahkan ia juga adalah dasar bagi setiap perlakuan manusia (Mohd. Shauki Abd. Majid, 2009). Kesan daripada sifat amanah ini akan lahir pula sifat-sifat terpuji yang lain (Sapie Sabilan *et al.*, 2010) dan dalam kajian ini, dimensi amanah merangkumi komponen sifat terpuji berdisiplin, tekun dan bertanggungjawab.

c) Dimensi Bijaksana

Ilmu merupakan teras integriti. Ilmu yang perlu didalami dalam konteks integriti ialah berkenaan pengetahuan dan kefahaman tentang falsafah, nilai dan kepentingan dan tujuan integriti secara jelas (Jamiah Manap *et.al.*, 2005). Ilmu inilah yang akan memberi kekuatan daya pemikiran Guru

Pemikiran Islam dalam mengurus diri dan organisasi bagi mencapai prestasi kerja yang cemerlang. Terangkum di dalam dimensi bijaksana ini komponen optimis, sabar, berkepimpinan, kreatif dan inovatif (Amini Abdullah *et al.*, 2005).

Setelah dijelaskan variabel yang pertama iaitu integriti, berikut dijelaskan pula metodologi kajian yang digunakan dalam penyelidikan ini.

Metodologi

Kajian ini adalah berbentuk kajian kuantitatif bukan eksperimen iaitu reka bentuk tinjauan yang dijalankan dengan menggunakan kaedah deskriptif. Pensampelan kebarangkalian dengan menggunakan kaedah pensampelan kelompok dan rawak mudah digunakan dalam kajian ini, justeru seramai 390 orang Guru Pendidikan Islam dijadikan responden kajian. Analisis deskriptif digunakan untuk menjelaskan dan meringkaskan fenomena yang berkaitan dengan sesuatu populasi atau sampel kajian. Dalam kajian ini, analisis deskriptif digunakan berdasarkan kekerapan, peratusan, ukuran kecenderungan tengah (min), dan ukuran kebolehubahan (sisihan piawai).

Dapatan kajian

Skor min integriti dimensi bersih yang mengandungi 21 item. Nilai min bagi setiap item pula berbeza-beza daripada julat 3.69 sehinggalah kepada nilai 4.90. Hampir kesemua nilai min menunjukkan bahawa Guru Pendidikan Islam menyatakan bahawa item-item tersebut adalah tepat dengan diri mereka.

Dapatan bagi dimensi bijaksana pula memperlihatkan bahawa nilai min tertinggi bagi dimensi ini ialah item J34 iaitu “Saya perlu belajar secara berterusan untuk kemajuan kerjaya saya” dengan nilai min 4.39 (sp=.58). Sementara Nilai min terendah pula ialah bagi item J31 iaitu “Saya sentiasa berhemah tinggi dalam semua keadaan” dengan nilai min 3.91 (sp=.70). Ini menunjukkan Guru Pendidikan Islam, bersedia untuk memajukan kerjaya masing-masing namun masih belum yakin sepenuhnya mereka dapat berhemah tinggi dalam semua keadaan. Justeru ilmu untuk memantapkan kerjaya perlu diberi dan diperkukuhkan daripada semasa ke semasa.

Sementara min keseluruhan bagi dimensi amanah ialah 4.09 (sp .39). Nilai min tersebut menunjukkan bahawa bagi dimensi tersebut, Guru Pendidikan Islam mempunyai nilai amanah pada tahap tinggi. Kebanyakan item didapati mempunyai nilai min menghampiri nilai 4.00 atau melebihi nilai 4.00 yang bermaksud pernyataan item adalah tepat dengan diri Guru Pendidikan Islam.

Berikut adalah jadual dapatan skor min integriti berdasarkan 3 dimensi kajian:

Dimensi	Min Item	Sisihan Piawai	Interpretasi
Bersih	4.32	.31	Tinggi
Bijaksana	4.12	.36	Tinggi
Amanah	4.09	.39	Tinggi

Jadual 1 : Tahap Integriti Berdasarkan Tiga Dimensi Kajian

Secara keseluruhannya, Jadual 2 menunjukkan bahawa majoriti mempunyai tahap integriti tinggi iaitu seramai 213 orang (55.3.9%). Manakala sebahagian lagi iaitu sebanyak 166 orang (43.1%) mempunyai tahap integriti yang sangat tinggi sementara hanya 6 orang responden (1.6%) mempunyai integriti pada tahap sederhana.

Jadual 2: Tahap Integriti Keseluruhan

Tahap Integriti	Frekuensi	Peratusan	Interpretasi
Sederhana	6	1.6 (%)	
Tinggi	213	55.3 (%)	
Sangat Tinggi	166	43.1 (%)	
Nilai Min Integriti	4.20		Tinggi
Nilai Sisihan Piawai Integriti	.32		

Berdasarkan keputusan skor min dan sisihan piawai didapati min keseluruhan untuk variabel integriti ialah 4.20 dengan sisihan piawai .32. Nilai min tersebut menunjukkan bahawa Guru Pendidikan Islam mempunyai integriti pada tahap tinggi. Kebanyakan item didapati mempunyai nilai min yang tinggi dan menghampiri 4.00 atau melebihi 4.00 yang bermaksud “tepat dengan diri saya” dalam melakukan perkara yang dinyatakan dalam item tersebut.

Rumusan dan Kesimpulan

Dapatan analisis yang dibuat mengikut dimensi menunjukkan dimensi bersih mencapai skor min tertinggi diikuti dengan dimensi bijaksana dan dimensi amanah mendapat skor min paling sedikit. Dapatan ini, menunjukkan dimensi bersih yang merujuk kepada tutur kata dan tingkah laku yang positif menjadi dimensi yang mencapai skor min tertinggi. Ini menunjukkan Guru Pendidikan Islam masih mempraktikkan elemen kesantunan yang merangkumi menggunakan bahasa yang lemah lembut dan tidak kesat dalam apa juga situasi serta mengamalkan sikap saling menghormati. Begitu juga dengan elemen baik hati termasuklah pemaaf, pemurah, bertimbang rasa, beramah mesra, kasih sayang, bersimpati dan suka menolong. Terkandung juga di dalam dimensi ini elemen salah guna kuasa, di mana data menunjukkan Guru Pendidikan Islam menolak rasuah walaupun berpeluang melakukannya.

Bagi dimensi bijaksana yang merujuk kepada komponen optimis, sabar, berkepimpinan, kreatif dan inovatif pula, data menunjukkan item yang mencapai min paling sedikit ialah pernyataan “ Saya sentiasa berhemah tinggi dalam semua keadaan”, sementara item yang mendapat min tertinggi pula adalah “Saya perlu belajar secara berterusan untuk kemajuan kerjaya saya”. Dapatan ini menunjukkan Guru Pendidikan Islam sentiasa bersedia untuk meningkatkan

diri untuk memajukan kerjaya mereka, justeru peluang daripada segi latihan dan kemahiran dalam bidang kerjaya pendidikan harus diberikan kepada Guru Pendidikan Islam agar mereka mampu untuk bertindak secara berhemah dalam setiap tindak tanduk.

Seterusnya dimensi amanah merupakan dimensi yang mendapat min paling sedikit. Dimensi ini merujuk kepada kesungguhan memenuhi kewajipan dan tanggungjawab yang diamanahkan merangkumi komponen sifat terpuji, berdisiplin, tekun dan bertanggungjawab. Analisis mengikut item menunjukkan item terendah menyatakan “Saya sentiasa menjalankan tugas saya dengan cekap” dan item tertinggi pula dengan pernyataan “ Saya faham ketelitian adalah penting untuk mencapai matlamat kerjaya saya”. Dapatan ini memberi gambaran bahawa Guru Pendidikan Islam merupakan kakitangan yang memahami bahawa ketelitian dalam melaksanakan sebarang pekerjaan adalah penting namun untuk menambahkan kecekapan mereka dalam menghasilkan tugas memerlukan kepada kesungguhan dan latihan yang dilakukan secara rutin. Justeru, adalah wajar apabila Guru Pendidikan Islam diberikan sesebuah tanggungjawab maka tunjuk ajar dan kepakaran daripada pihak pentadbiran juga perlu diberikan kepada mereka.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa majoriti Guru Pendidikan Islam mempunyai tahap integriti tinggi iaitu seramai 213 orang (55.3%). Manakala sebahagian lagi iaitu seramai 166 orang (43.1%) mencapai tahap sangat tinggi dan hanya 6 orang (1.6%) mempunyai tahap integriti sederhana. Sementara nilai min 4.20 dengan sisihan piawai sebanyak .32. menunjukkan bahawa Guru Pendidikan Islam mempunyai integriti pada tahap tinggi.

Kesimpulannya, nilai adalah kepercayaan utama sesebuah masyarakat yang mendorong seseorang untuk bertindak. Tindakan daripada kepercayaan itu akan hadir dalam bentuk etika yang merupakan perilaku individu. Justeru apabila perilaku manusia yang dibincangkan dalam satu disiplin ilmu yang lebih umum maka ia adalah pendidikan moral. Seterusnya apabila nilai, etika dan moral itu adalah berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah maka ia difahami sebagai etika Islam ataupun akhlak yang terkandung di dalamnya prinsip integriti.

Lanjutan daripada dapatan kajian ini, penyelidik mencadangkan agar satu kajian yang berkisar tentan, integriti diteruskan di organisasi-organisasi yang lain seperti di pusat pentadbiran kerajaan Putrajaya, SPRM dan sebagainya. Ini kerana bidang pengurusan integriti bukanlah hanya menjadi isu di institusi pendidikan sahaja bahkan telah menjadi isu global dan sesuai di semua organisasi pentadbiran. Di samping itu juga, kod etika kerja yang sedia ada harus di bincang, diamalkan dan dirutinkan sehingga menjadi disiplin alam kehidupan amalan bekerja.

Rujukan

- Abdul Ghani Shamsuddin. 1984. Pendidikan Ruhaniyyat. *Jurnal Pendidikan Islam*. 1 (Januari 1984): 1-9.
- Abu Urwah. 1986. *Risalah Usrah*. Jld 2. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Ahmad Sukari Mohamad dan Mohd. Nizam Sahad. 2012. Konsep Kepimpinan Ta'dibi Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam: Satu Analisis. *Prosiding International Seminar on Research In Islamic Studies II (ISRIS II): Transformasi Penyelidikan dalam Bidang Pengajian Islam*. 15-16 Feb. Anjuran Universiti Malaya: Kuala Lumpur. 917-930.
- Amini Abdullah, Azimi Hj. Hamzah, Ezhar Tamam, Sidek Mohd. Noah, Nurizan Yahya dan Halimah@Alma Othman. 2005. *Laporan Kajian Audit Nilai Integriti Staf Universiti Putra Malaysia*. Serdang: Bahagian Perancangan Korporat, UPM.
- Halimatus Saadiah Mat Saad. 2014. Integriti dan Kepuasan Kerja Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Malaysia Sabah.
- Jamiah Manap, Azimi Hamzah, Ezhar Tamam, Sidek Mohd. Noah, Amini Amir Abdullah, Norizan Yahaya, Halimah Alma Othman dan Hanina Halimatus Saadiah Hamsan. 2005. Pemantapan Nilai Integriti Individu sebagai Teras Pembangunan Staf Berkualiti, *Prosiding Seminar Kebangsaan Sumber Manusia 2005*, anjuran Universiti Teknologi Malaysia. 2- 3 Februari 2005. Hotel Sifitel, Senai, Johor Bahru. <http://jurnalakademik.Blogspot.com/2006/09/pemantapan-nilai-integriti-individu.html>. Dicetak 25 Januari 2011.
- Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri. 2012. *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Shauki Abd. Majid. 2009. Amanah Asas Kepimpinan Berintegriti. *Dalam Mustafar Ali dan Adanan Mat Junoh (eds.). Integriti dan Islam: Aplikasi Berkesan Membangun Ummah*. Kuala Lumpur: Institut Integriti Malaysia., hlm 70-87.
- Muhammad 'Athiyah Al-Abrasyi .1977. *Dasar-dasar Pokok Pendidikan Islam*. Terj. H. Bustami A. Ghani, Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.
- Mustafar Ali. 2009. Integriti dan Islam: Aplikasi Berkesan Membangun Ummah. *Dalam Mustafar Ali dan Adanan Mat Junoh (eds.). Integriti dan Islam: Aplikasi Berkesan Membangun Ummah*. Kuala Lumpur: Institut Integriti Malaysia., hlm 45-65.
- Pattison, S. and Edgar, A. 2011. Integrity and the Moral Complexity of Professional Practise. *Nursing Philosophy*. 12(2): 94-106.
- Sapie Sabilan, Mohamad Fuad Ishak, Suhana Mohamad Kip dan Mohd. Shahril Ahmad Razimi, Zetty Nurzuliana Rashed, Abdullah Endut, Shahidan Ahmad, Haslina Hamzah, Marliana Abdullah dan Mohd. Musa Sarip. 2010. Prinsip-prinsip Pengurusan Islam dan Hubungannya dengan Kepuasan Kerja. *Proceeding International Conference On Islamic Education 2010 (ICIED2010)*, 29 Nov-1 Dis, 2010, Holiday Villa Hotel & Suites Subang. 621-636.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. 2009. Islam dan Integriti: Konsep Ketauhidan Terhadap Al-Khaliq. *Dalam Mustafar Ali dan Adanan Mat Junoh (eds.). Integriti dan Islam: Aplikasi Berkesan Membangun Ummah*. Kuala Lumpur: Institut Integriti Malaysia., hlm 1-10.